

Lima wanita ke s-final silat Perwanit

pencah silat 25 OCT 1979
 LIMA peserta wanita telah dipilih untuk bertanding di peringkat separuh akhir pertandingan silat Gayung Perwanit antara balai yang akan berlangsung pada 4 November ini di Balai Rakyat Toa Payoh.

Mereka telah berjaya dalam pertandingan-pertandingan saringan yang dijalankan minggu lalu. Mereka ialah Noorwina Mahmud, Mariati Mohamad, Sarimah Harun, Jamilah Jamil dan Kamariah Ithnin.

Noorwina, 20 tahun, merupakan peserta yang paling berpengalaman di antara peserta-peserta separuh akhir wanita.

Selain dari bertugas sebagai jurulatih di Balai Rakyat Sennett, Noorwina, pernah menyertai beberapa pertandingan silat tempatan.

Dia pernah juga mewakili Persekutuan Silat Singapura (Persisi) dalam pertandingan persahabatan dengan pesilat-pesilat dari Ikatan Pencak Silat Indonesia (IPSI) yang mengadakan lawatan dan pertandingan persahabatan di sini pada Julai lalu.

Peluang

Tetapi, peserta-peserta wanita yang lain tidak menganggap pengalaman Noorwina itu memudahkannya menggondol gelaran perseorangan wanita.

Peluang-peluang untuk memenangi gelaran itu menurut mereka, adalah sama dan tidak terkecuali pada jurulatih saja.



• **JURIAH AHMAD (kiri)** sedang bertarung dengan Noorwina Mahmud dalam saringan bahagian wanita yang dijalankan di Balai Rakyat Toa Payoh. Noorwina memenangi pertarungan ini.— Gambar oleh Rawi Ahmad.

Antara mereka yang mungkin dapat memberikan tentangan hebat kepadanya ialah Sarimah dan Mariati, kedua-duanya 16 tahun, yang merupakan penolong jurulatih di balai rakyat yang sama.

"Apa yang perlu dalam sesuatu pertandingan, ialah mencari kesilapan dan kelemahan lawan, di samping kepantasan sen-

diri," kata mereka.

Mereka berdua dan dua lagi peserta peringkat separuh akhir, Jamilah, 19 tahun dan Kamariah, 17 tahun, tidak menganggap penyertaan Noorwina sebagai satu perkara yang tidak adil. Kedua-dua peserta ini adalah yang paling kurang pengalaman dan baru berkecimpung dalam bidang ini kurang

dari setahun.

Kecuali Jamilah, semua peserta wanita ini adalah dari Balai Rakyat Sennett. Jamilah merupakan peserta dari Balai Rakyat Toa Payoh.

Tarikh

25 OCT 1979
 Menurut seransaha agung Perwanit yang juga menjadi ketua jurulatih silat persatuan itu, Encik Sarkawi Mohd. Som, sambutan pertandingan bahagian wanita kurang mendapat sambutan kerana tidak banyak balai rakyat yang mempunyai ahli-silat wanitanya.

Tetapi, oleh kerana ini merupakan pertandingan yang pertama sambutan dari peserta-peserta lain bolehlah dianggap memuaskan.

Pihaknya kini sedang berusaha untuk mendapatkan Dewan Badminton Singapura di Guillemard Road sebagai tempat untuk pertandingan akhir yang akan ditetapkan. Sejauh ini belum ada pengesahan dari pihak berkenaan mengenai tempat itu.

Forum seni silat pertama dianjurkan

26 OCT 1979 silat
 SATU forum mengenai seni silat — yang pertama pernah diadakan di sini — akan berlangsung pada Ahad ini.

Ia dianjurkan oleh Persatuan Wanita dan Teruna (Perwanit) bertempat di Dewan Al Malik Faisal, Lorong 12, Geylang, mulai 3 petang.

Ahli-ahli panel untuk forum ini akan terdiri dari Ustaz Razali Abdullah (wakil Majlis Ugama Islam Singapura), Encik Ariff Zahari (Persekutuan Silat Singapura), Mohd. Latiff Mohamad (Angkatan Sasterawan 50), Abu Bakar Aziz (Majlis Pusat Pertubuhan-pertubuhan Budaya Melayu) dan Suib Selamat (dari silat Eshak Setia Hati).

Ia dipengerusikan oleh Encik Rahmat Sawi, pengerusi Jabatan Budaya dan Pelajaran Perwanit.

Mereka akan membincangkan seni silat dari berbagai aspek termasuk agama, kebudayaan dan kemasyarakatan.

Menyalahi

Dari segi agama, mereka akan membincangkan pandangan Islam terhadap penggunaan jampi serapah dan penggunaan ayat-ayat dari Quran sebagai pendering dan sebagainya.

Mereka akan mendalami sama ada penggunaan unsur-unsur agama dalam silat ini menyalahi konsep kita sebagai penganut agama Islam ataupun sebaliknya.

Selain dari itu, mereka juga akan membincangkan silat dalam konteks masyarakat berbilang kaum di Singapura hari ini.

Dalam konteks ini, mereka akan membincangkan sama ada silat harus dikongkong terus oleh orang-orang Melayu ataupun diperkembangkan kepada bangsa-bangsa lain dalam aspek silat sebagai satu cabang olahraga.

26 OCT 1979 Diserahkan

Dalam hal ini, mereka akan mencari jalan untuk memperkembangkan silat kepada bangsa asing, serupa juga seni pertahanan diri yang lain, seperti judo, karate yang berasal dari Jepun dan taekwondo yang berasal dari Korea, dapat diperkembangkan kepada dunia.

Encik Sarkawi Mohd.